



6 Jun 2016
6 June 2016
P.U. (A) 151

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (PERSIMPANGAN BERTINGKAT ALOR PONGSU) 2016

FEDERAL ROADS (ALOR PONGSU INTERCHANGE) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN
(PERSIMPANGAN BERTINGKAT ALOR PONGSU) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [*Akta 376*], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Perak, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 7 Jun 2016.

Perisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu yang merupakan sebahagian daripada Lebuhraya Utara Selatan, bermula di kilometer 182.362 di koordinat U 155845.497, T -24183.678 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 180.838 di koordinat U 156963.727, T -25215.209 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) Lebuhraya Utara Selatan, kedua-dua jarak diukur dari kilometer 0.0 Lebuhraya Utara Selatan di Bukit Kayu Hitam, termasuklah Plaza Tol Masuk/Keluar Alor Pongsu dan jalan sambungannya dan berakhir di koordinat U 156559.738, T -24306.444, Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

JADUAL

PETA PERSIMPANGAN BERTINGKAT ALOR PONGSU

